

28/02/1997

60 hari selesai masalah sempadan

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Thailand, Jeneral Tan Sri Chavalit Yongchaiyudh, bersetuju supaya masalah penandaan sempadan kedua-dua negara diselesaikan dalam tempoh tidak lebih 60 hari.

Kesepakatan untuk menyelesaikan masalah yang dibincangkan sejak 15 tahun lalu itu, dicapai dalam pertemuan antara Dr Mahathir dan rakan sejawatannya dari Thailand itu di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Yongchaiyudh tiba bersama rombongan 63 orang di sini, hari ini untuk lawatan dua hari ke Malaysia atas jemputan Dr Mahathir.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, berkata kedua-dua pemimpin itu mahu formula tertentu diwujudkan jika masih ada kawasan yang dipertikaikan dalam usaha menyelesaikan masalah itu secara adil.

Dr Mahathir dan Chavalit juga mengarahkan satu formula untuk membayar pampasan diwujudkan jika ada keperluan untuk bertukar-tukar kawasan.

"Contohnya, ada kuil Thai di kawasan Malaysia di Padang Besar. Jika ini wujud, satu bentuk formula pembayaran pampasan akan diwujudkan," katanya.

Abdullah berkata, Dr Mahathir dan Chavalit mahu perkara itu diselesaikan berasaskan dua prinsip bagi memastikan keadilan kepada kedua-dua pihak.

"Pertama, menentukan kedudukan sempadan yang tetap dan tidak berubah di antara kedua-dua negara khususnya di kawasan yang membabitkan sungai yang boleh berubah mengikut keadaan sungai itu.

"Asas kedua yang perlu diikuti ialah prinsip `tiada untung, tiada rugi' atau kedua-dua pihak beroleh kemenangan.

"Kedua-dua pemimpin itu yakin dengan dua prinsip itu Malaysia dan Thailand mampu menyelesaikan masalah sempadan yang kini hanya wujud di beberapa kawasan tertentu saja," katanya kepada pemberita selepas pertemuan antara Dr Mahathir dan Chavalit.

Hadir sama dalam perbincangan itu ialah Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Abdul Kadir Mohamad, dan Setiausaha Tetap Kementerian Luar Thailand, Saroj Chavanaviraj.

Abdullah berkata, kerja fizikal penetapan itu akan dilakukan secepat mungkin selepas tempoh 60 hari itu tamat.

Sementara itu, Saroj berkata, kerajaannya harus mendapat persetujuan Parlimen negara itu sebelum melaksanakan cadangan itu.

"Bagaimanapun, Perdana Menteri akan memberi sokongan padu terhadap cadangan itu yang boleh menyelesaikan soal persempadanan kedua-dua negara," katanya sambil menambah, setakat ini kerja fizikal penandaan sempadan belum bermula.

(END)